



**PROSEDUR PEMBELIAN DOKUMEN GEOSPATIAL TERPERINGKAT
JABATAN PERTANIAN SEMENANJUNG MALAYSIA
(MERUJUK KEPADA PEKELILING AM BIL. 1 TAHUN 2007 PEKELILING ARAHAN
KESELAMATAN TERHADAP DOKUMEN GEOSPATIAL TERPERINGKAT)**

1. Permohonan hanya boleh dibuat oleh Ketua Setiausaha / Timbalan Ketua Setiausaha / Ketua Penolong Setiausaha / Ketua Pengarah / Timbalan Ketua Pengarah / Penolong Ketua Pengarah / Ketua Jabatan Negeri / Timbalan Ketua Jabatan Negeri / Dekan Fakulti / Pustakawan Institut Pengajian Tinggi / Pengarah / Pengurus
2. Setiap permohonan Dokumen Geospasial Terperingkat Jabatan Pertanian perlu melengkapkan butir-butir berikut:
 - (a) **Jabatan / Agensi Kerajaan / Badan-Badan Berkanun (Termasuk IPT)**
 - i. Dua (2) salinan Borang PPNM -1 (Pind. 1/2008)
 - ii. Dua (2) salinan Borang PPP 1/2017
 - iii. Borang Akuan Pelajar sekiranya dokumen hendak dibawa ke luar negara (*hanya pemohon IPT sahaja*)
 - iv. Surat iringan/surat rasmi jabatan dengan justifikasi lengkap – skop kajian, jenis peta, kawasan/koordinat x,y (unit RSO meter), saiz peta, bentuk digital atau peta cetak (*hardcopy*) dan maklumat lengkap untuk dihubungi.
 - v. Dua (2) salinan kad pengenalan pemohon (merujuk perkara 1)
 - vi. Dua (2) salinan kad pengenalan bagi wakil yang mengambil data
 - (b) **Pihak Awam / Syarikat Swasta**
 - i. Dua (2) salinan Borang PPNM – 1 (Pind. 1/2008)
 - ii. Dua (2) salinan Borang PPP 1/2017
 - iii. Borang 'Undertaking By Appointed Consultant/Contractor' jika pemohon dilantik oleh Jabatan Kerajaan
 - iv. Surat iringan/surat rasmi jabatan dengan justifikasi lengkap – skop kajian, jenis peta, kawasan/koordinat x,y (unit RSO meter), saiz peta, bentuk digital atau peta cetak (*hardcopy*) dan maklumat lengkap untuk dihubungi.
 - v. Dua (2) salinan kad pengenalan pemohon (merujuk perkara 1)
 - vi. Dua (2) salinan sijil pendaftaran syarikat
 - vii. Dua (2) salinan surat perlantikan dan sokongan daripada Jabatan Kerajaan yang melantik.
 - viii. Dua (2) salinan kad pengenalan bagi wakil yang mengambil data
3. Pembayaran untuk pembekalan Data Geospasial adalah secara wang pos/bank draf di atas nama **KETUA PENGARAH PERTANIAN** sama ada berhubung terus dengan pihak kami atau dialamatkan seperti di bawah. Pembayaran perlu dilakukan setelah mendapat kelulusan Tapisan Keselamatan.

4. Semua permohonan / butir-butir yang telah dilengkapkan perlu dikemukakan kepada:

**Pengarah
Bahagian Pengurusan Dan Pemuliharaan Sumber Tanah,
Aras 9, Blok 4G2, Wisma Tani, Presint 4,
Persiaran Perdana,
62624 Putrajaya**

5. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut boleh hubungi:

- i. Pn. Puan Munirah Binti Adnan 03-88703219
ii. Pn. Rusliza Binti Zakaria 03-88703487

6. Borang Permohonan Peta boleh diperolehi dari laman web Jabatan Pertanian iaitu <http://www.doa.gov.my>.

**KADAR CAJ DATA GEOSPATIAL DIGITAL
JABATAN PERTANIAN SEMENANJUNG MALAYSIA**

BIL	PERKARA	KADAR
1	Peta Tanah Tinjauan	RM600.00 per megabyte
2	Peta Guna Tanah	RM900.00 per megabyte
3	Semua Peta Tambah Nilai (Value Added Map)	RM500.00 per megabyte
4	Peta format JPEG	RM 50.00 / lembar

**KADAR CAJ DATA GEOSPATIAL BERCETAK
JABATAN PERTANIAN SEMENANJUNG MALAYSIA**

BIL	PERKARA	KADAR
1	Peta Cetak Bersaiz AO / A1 / A2	RM50.00 selemba peta